



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR  
45000 KUALA SELANGOR**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang masih di benarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	Kerja-Kerja Membina Tempat Pemasangan Kain Rentang (Banner) di Kawasan Operasi Majlis Daerah Kuala Selangor  No.Sebutharga : SH 91/2018	Gred G1  Kategori CE  Pengkhususan CE 21	Mulai 18.07.2018 Hingga 30.07.2018	RM 50.00	31.07.2018 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga **boleh dibeli secara online melalui laman web <https://tender.selangor.my>** bermula 18 Julai 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan **Sijil Pendaftaran Syarikat** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)**, semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga serta salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan sijil-sijil lain yang berkaitan bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap semasa penghantaran dokumen.

- \* *Penyata Bank mestilah disertakan bagi tawaran kerja Gred Pendaftaran G2 sehingga G7*
- \* *Kontraktor/Pemborong disyorkan membuat lawatan tapak sendiri bagi kerja-kerja diatas.*

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 31 Julai 2018, jam 12.00 tengahari**. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

.....  
**( RAHILAH BINTI RAHMAT A.M.S. )**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Daerah Kuala Selangor**  
QS/rth/iklan sh/110718

**Tarikh : hb. Julai 2018**